

## PERANAN WANITA MEMBENTUK NILAI KEMANUSIAAN DALAM HIKAYAT KHOJA MAIMUN

*Women Role in Shaping Human Value in the Story of Khoja Maimun*

SITI KHARIAH MOHD ZUBIR NOR  
khariah@fbk.upsi.edu.my  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

SUHANA ABD MAJID  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

### ABSTRAK

Hikayat Khoja Maimun merupakan sebuah hikayat yang mana di dalamnya mengandungi 26 buah cerita yang terdiri daripada watak dan jalan cerita yang berbeza. Objektif kajian ini adalah untuk melihat peranan yang ditonjolkan oleh watak-watak wanita dalam membentuk nilai-nilai kemanusiaan dan seterusnya dapat diterapkan dalam diri setiap anggota masyarakat. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan Teori Moral Islam oleh Jabir Qamihah untuk menganalisis teks. Setelah menganalisis, pengkaji mendapati lima nilai kemanusiaan yang berjaya ditonjolkan dalam Hikayat Khoja Maimun. Antaranya ialah nilai kesabaran, nilai hormat-menghormati, nilai bijaksana, nilai kasih sayang dan nilai keadilan. Sebagai kesimpulannya, kesemua nilai yang telah dinyatakan adalah ditonjolkan oleh watak-watak wanita dalam hikayat tersebut. Hasil kajian yang telah dibuat diharap dapat memberikan sesuatu input berguna sebagai nilai tambah dalam meneruskan perjuangan hidup kaum wanita.

**Kata Kunci:** Peranan, nilai, kemanusiaan, sabar, taat

### ABSTRACT

*Hikayat Khoja MAIMUN is a tale contained 26 stories consisting of characters and different storylines. The objective of this study was to examine the role portrayed by the female characters in shaping human values and thus can be applied in each and every member of the community. This study was conducted with the use of Islamic Moral Theory by Jabir Qamihah to analyze the text. After analysis, the researcher found five successful humanitarian values highlighted in Hikayat Khoja MAIMUN. Among them is the patience, the respect, the wisdom, the love and the justice. In conclusion, all values stated are displayed by the female characters in the saga. The results that have been made are expected to provide a useful input as an added value in continuing the struggle of life of women.*

**Keywords:** Roles, values, humanity, patience, obedience

### PENGENALAN

Cerita-cerita Bayan seperti *Hikayat Khoja Maimun* atau *Hikayat Bayan Budiman* dikatakan berasal daripada Kitab *Sukasaptati*. Menurut Winstedt, (1985: iii), *Sukasaptati* yang berbahasa Sanskrit mengandungi dua versi, iaitu versi panjang yang berisi tujuh puluh buah cerita yang telah diterjemahkan oleh Wortham sebagai “The Enchanted Parrot, being a selection from the *Sukasaptati* or *The Seventy Tales of A Parrot* dan satu versi pendek, edisi R. Schmidt. Keterangan tentang *Sukasaptati* boleh juga dilihat melalui karangan S.J. Warren berjudul “Het Origineel der *Sukasaptati*”.

Harun Jaafar dalam buku beliau yang bertajuk *Ikhtisar Kebudayaan dan Prosa Melayu Klasik* ada membicarakan mengenai definisi hikayat, ciri-ciri Hikayat Berbingkai, dan Jenis-jenis Hikayat Berbingkai. Harun Jaafar mendefinisikan Hikayat Berbingkai atau Cerita Berbingkai ialah satu subgenre Sastera Hikayat yang bermaksud cerita biasa yang disisipkan dengan cerita-cerita lain. Kadang-kadang ada pula cerita sisipan terbitan daripada cerita sisipan itu. Hal itu menjadikan sesebuah Hikayat Berbingkai itu panjang dan berbelit-belit. Harus diingat bahawa cerita biasa itu disebut juga cerita induk. Cerita itu merupakan bingkai kepada cerita sisipan.

Hikayat Berbingkai dimulakan dengan induk. Watak yang menghadapi masalah akan menyampaikan cerita atau cerita-cerita untuk menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Setelah cerita sisipan itu selesai, kisah akan disambung dengan cerita induk. Demikianlah perjalanan cerita yang berselang-seli antara cerita induk dengan cerita sisipan sehingga keputusan dibuat oleh pendengar cerita terhadap watak yang mengemukakan cerita sisipan itu. Ciri-ciri Hikayat Berbingkai ialah berasal daripada karya *Akhyayika* dalam Kesusasteraan Hindu. Cerita induknya menjadi bingkai kepada cerita sisipan. Hikayat jenis ini merupakan sub genre Sastera Hikayat yang disadur atau diterjemahkan daripada karya-karya asing.

Muhd. Mansur Abdullah dalam buku yang bertajuk *Pengantar Kesusasteraan Melayu Lama* pula menjelaskan mengenai asal-usul Hikayat Berbingkai adalah bersumberkan dari benua India. Kemudian cerita ini berkembang luas dan tersebar ke seluruh dunia serta dapat pula mempengaruhi cerita-cerita rakyat di Asia dan juga Eropah. Namun demikian, hikayat berbingkai yang terdapat di negara ini adalah lebih bercorak keislaman daripada khazanah Arab-Parsi. Cerita-cerita ini telah disadur dan isinya diubahsuai dengan tradisi dan alam Melayu serta agama Islam di rantau ini. Hal ini dapat dilihat dengan nyata pada pengantar hikayat-hikayat itu yang banyak sekali mengandungi puji-pujian kepada Allah s.w.t. dan rasul-Nya.

Fokus utama yang ingin dilihat oleh pengkaji ialah lebih melihat kepada peranan wanita dalam pembentukan nilai kemanusiaan dan mengambil *Hikayat Khoja Maimun* sebagai bahan atau rujukan utama. Melalui hikayat tersebut, pengkaji akan mengkaji sejauh mana watak wanita telah dapat melahirkan nilai kemanusiaan yang semestinya boleh dijadikan panduan dan teladan kepada golongan wanita lain mahupun pembaca yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

## **PENYATAAN MASALAH**

Umum mengetahui bahawa nilai kemanusiaan ini perlu ada dan diterapkan dalam diri insan yang bergelar manusia. Apabila adanya nilai kemanusiaan ini, seseorang itu tidak akan tergelincir daripada landasan sebuah kehidupan yang sebenar-benarnya. Dengan kata lain, nilai kemanusiaan ini akan dapat memanusiaikan manusia dan nilai ini juga dapat menjadi aset yang boleh dijadikan sumber didaktik yang disemaikan secara halus dan tersirat. Oleh hal yang demikian, sebagai pembaca sesebuah karya yang bijaksana, unsur-unsur nilai hendaklah dijadikan panduan dan pedoman untuk membuat koreksi diri.

Begitu juga dalam *Hikayat Khoja Maimun* yang memperlihatkan dengan jelas tentang watak-watak wanita yang memainkan peranan penting dalam membentuk nilai-nilai kemanusiaan. Oleh sebab itu, kajian ini akan membincangkan dengan lebih terperinci mengenai peranan watak wanita dalam membentuk nilai-nilai kemanusiaan melalui hasil kesusasteraan Melayu tradisional iaitu *Hikayat Khoja Maimun*. Dalam kajian yang dilakukan ini, pengkaji akan menggunakan *Hikayat Khoja Maimun* bagi menjelaskan peranan wanita dalam membentuk nilai-nilai kemanusiaan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah lebih memfokuskan kepada perkara-perkara yang akan diperbincangkan berkaitan dengan peranan wanita membentuk nilai kemanusiaan dalam *Hikayat Khoja Maimun*. Matlamat yang hendak dijadikan pokok persoalan dalam kajian ini adalah lebih terarah kepada perkara-perkara yang tersenarai seperti berikut:

1. Mengetahui watak wanita dalam membentuk nilai kemanusiaan melalui *Hikayat Khoja Maimun*.
2. Menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang dibentuk oleh watak wanita dalam *Hikayat Khoja Maimun*.

3. Mengaitkan nilai-nilai kemanusiaan dalam memberi contoh teladan kepada masyarakat.

### **PENDEKATAN MORAL ISLAM**

*Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007: 1042), moral didefinisikan sebagai ajaran atau pegangan tentang buruk baik sesuatu perbuatan, sikap atau cara berkelakuan yang berasaskan atau yang diukur dari segi baik buruk sesuatu akhlak.

Jabir Qamihah (1996: 49) menyatakan nilai-nilai moral khususnya moral Islam merupakan himpunan akhlak yang membentuk keperibadian Muslim yang unggul, seterusnya berupaya memberikan sumbangan kepada masyarakat, bekerjasama dan berusaha ke arah pembentukan diri, keluarga dan akidah.

Jabir Qamihah membahagikan nilai-nilai moral kepada dua iaitu:

- i. Nilai negatif atau nilai kosong, nilai ini adalah sesuatu nilai yang meninggalkan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah seperti zina, arak, bohong, mencuri dan lain-lain perbuatan keji.
- ii. Nilai positif ialah suatu nilai yang wajib ada pada setiap orang Islam seperti benar, amanah, kasih sayang, menghubungkan silaturrahim, mulia dan berbaik-baik dengan jiran tetangga.

Orang Islam dikehendaki mematuhi kedua-dua aspek ini, iaitu meninggalkan apa yang ditegah dan mengamalkan apa yang diperintah-Nya. Menurut al-Quran, surah al-Araaf ayat 33 yang bermaksud:

Sesungguhnya Tuhan mengharamkan perbuatan keji, sama ada yang zahir atau yang tersembunyi dan perbuatan dosa melanggar hak manusia tanpa alasan yang benar.

(Muhammad Shohib, 2007: 306)

Daripada huraian di atas, jelas bahawa ketiga-tiga aspek dalam ajaran Islam, iaitu aqidah, ibadah dan akhlak saling berkaitan antara satu dengan yang lain. Tanpa salah satu daripadanya akan melahirkan kepincangan dalam mengamalkan ajaran Islam. Tegasnya, apabila individu Islam beriman dan percaya dengan kewujudan dan kebesaran Allah S.W.T, dia akan melakukan ibadah yang dituntut dan menjauhi larangan-Nya. Di samping itu, ibadah yang dilakukan perlu disertai akhlak yang mulia agar lebih cantik dan indah. Dalam hal ini, para sarjana Islam merumuskan, bahawa "Akhlak ialah asas dalam aqidah dan syariah. Tanpanya laksana satu badan yang tidak ada roh". Jelas bahawa menurut akhlak Islam, manusia yang unggul dan sempurna (*insan kamil*) ialah individu yang bertingkah laku mengikut kepercayaan agama Islam.

Sesungguhnya, akhlak tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan umat Islam. Pelaksanaan semua amalan dan perbuatan Islam hendaklah bergantung kepada nilai akhlak agar kehidupan lebih lengkap dan sempurna, seterusnya mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T. Hal ini dapat dilihat melalui nas-nas berikut:

Firman Allah S.W.T dalam kitab al-Quran surah al-Zalzalah ayat 7 hingga 8 yang bermaksud:

Maka sesiapa berbuat kebaikan sebesar zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam suratan amalan). Dan sesiapa berbuat kejahatan sebesar zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam suratan amalan).

(Muhammad Shohib, 2007: 1196)

Keseluruhannya, akhlak memberi maksud keperibadian, sahsiah dan tingkah laku yang telah menjadi adat kebiasaan yang tidak memerlukan manusia berfikir panjang. Akhlak lahir dari dalam jiwa dan dapat membimbing hubungan manusia dengan Tuhannya, diri sendiri dan individu lain serta hubungannya dengan alam sekitar. Antara contoh akhlak yang bersifat baik (*mahmudah*) ialah amanah, jujur, sabar, menepati janji, murah hati, kasih sayang, pemaaf dan adil. Manakala akhlak yang tidak baik (*mazmumah*) seperti sifat seperti sombong dan dengki, perbuatan mengkhianati, memungkir janji, mengumpat dan menghina.

Pendekatan moral Islam mempunyai kelebihan berbanding dengan pendekatan yang lain dalam sastera. Tujuan ajaran Tauhid ialah untuk menjaga kebersihan terus menerus melalui iman, ilmu dan amal supaya apabila dia kembali kepada Tuhan nanti (mati) akan berkeadaan bersih seperti pada permulaan

kejadian. Pendekatan ini juga menyarankan persediaan akal serta kekuatan tubuh badan, manusia disuruh meneroka dunia dan mendapatkan manfaat di dunia dan tanpa melupakan akhirat.

### **ANALISIS PERANAN WANITA MEMBENTUK NILAI KEMANUSIAAN DALAM *HIKAYAT KHOJA MAIMUN***

Dalam masyarakat Melayu terdapat dua nilai yang sering diperkatakan, iaitu nilai tradisi dan juga nilai moden. Nilai tradisi dikatakan mencerminkan kebiasaan perlakuan masyarakat dan menjadi seperti kawalan kepada penentuan perlakuan masyarakat itu. Walau bagaimanapun, mereka juga menerima perubahan-perubahan yang disebut sebagai nilai-nilai moden. Penerimaan ini tidaklah seratus peratus kerana ada waktunya nilai moden dari Barat ini dianggap negatif dan menyalahi tatasusila Melayu. Nilai yang disanjung oleh sesebuah masyarakat adalah sistem yang dianggap baik dan dijadikan pedoman tertinggi bagi kelakuan setiap anggota masyarakat.

Semua peraturan yang dibuat berpandukan sistem nilai dalam masyarakat tertentu. Nilai adalah sebagai satu kepercayaan yang berterusan tentang mod perlakuan atau keadaan mutakhir yang menjadi pilihan personal dan sosial. Sistem nilai ialah organisasi kepercayaan berkenaan mod-mod perlakuan yang terpilih pada sesuatu kontinum kepentingan relatif. Takrifan ini menampilkan “kepatutan” atau “*oughtness*” tentang nilai-nilai yang mendasari perlakuan manusia. Seterusnya nilai juga tidak mempunyai kestabilan mutlak kerana perubahan individu dan sosial memerlukan dan diiringi oleh perubahan nilai.

Melalui Hikayat Khoja Maimun, pengkaji mendapati terdapat pelbagai nilai kemanusiaan yang telah ditonjolkan oleh watak wanita. Nilai-nilai yang ditunjukkan sememangnya memenuhi keperluan dalam memberikan kesedaran dan pengajaran kepada anggota masyarakat. Nilai-nilai kemanusiaan tersebut telah berjaya disempurnakan oleh watak-watak wanita dalam hikayat tersebut sehingga dapat dijadikan pedoman kepada sesiapa sahaja yang membaca. Watak-watak wanita yang digarap oleh pengarang bukan sahaja menonjolkan nilai-nilai yang baik kepada watak lelaki yang bertindak sebagai suami bahkan kepada golongan pemerintah dan juga orang kebanyakan.

Daripada analisis yang telah dibuat, pengkaji berjaya mengenal pasti beberapa nilai yang telah ditunjukkan oleh pengarang dalam Hikayat Khoja Maimun melalui watak-watak wanitanya. Antaranya, nilai kesabaran, nilai hormat-menghormati, nilai bijaksana, nilai kasih sayang dan nilai keadilan.

### **NILAI-NILAI KEMANUSIAAN DALAM *HIKAYAT KHOJA MAIMUN***

#### **Nilai Kesabaran**

Mustafa Haji Daud dalam buku berjudul *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam* yang telah diterbitkan pada tahun 1995 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka menjelaskan bahawa ketinggian budi bahasa masyarakat Melayu begitu menonjol apabila mereka memiliki sifat sabar. Sifat ini dibina hasil daripada pengalaman hidup mereka. Hakikat hidup ini dipenuhi dengan pelbagai rintangan, halangan, dan dugaan Tuhan. Justeru itu, jalan penyelesaian yang terbaik ialah dengan banyak bersabar.

Jelas beliau, kesabaran yang menjadi nilai yang dapat menyelesaikan segala masalah hidup mereka dengan beransur-ansur dan bijaksana dan ini menandakan keluhuran budi bahasa mereka. Begitu juga di dalam *Hikayat Khoja Maimun*, pengkaji mendapati watak wanita telah memperlihatkan nilai kesabaran dalam menempuh ujian hidup. Perkara ini dapat dilihat melalui watak Bibi Sabariah yang sabar dalam menerima kematian suaminya, Khoja Iskandar dan meneruskan hidupnya seperti sedia kala. Bibi Sabariah bukan sahaja sabar menerima ketentuan Allah S.W.T kehilangan orang yang beliau amat sayangi dan menjadi tempat bergantung hidup tetapi sabar dalam memelihara hati agar tidak melakukan sesuatu yang melanggar ajaran agama.

Bibi Sabariah tetap sabar sehingga sanggup menjaga kubur suaminya, Khoja Iskandar dan sentiasa berdoa kepada Allah S.W.T. Bibi Sabariah juga sabar dalam menerima lelaki lain untuk menggantikan suaminya dan menolak secara baik apabila ada seorang raja yang ingin mengambilnya untuk dijadikan isteri. Contoh petikan yang memperlihatkan watak wanita, iaitu Bibi Sabariah yang sabar dalam menempuh dugaan hidup selepas kematian suaminya adalah seperti di bawah:

“...Hai ibuku, amat benar kata tuan hamba itu, tetapi setelah sudahlah meminum air ma’wa al-sabri ertinya air mesra yang sabar maka sabarlah hamba dengan kurnia Allah Taala daripada pekerjaan bersuami itu. Bahawasanya kepada hati hamba segala laki di dalam dunia ini haramlah kepada hamba.”

*(Hikayat Khoja Maimun: 93)*

Melalui petikan tersebut pengkaji dapat melihat bagaimana Bibi Sabariah telah memainkan peranannya sebagai wanita yang sabar dalam menempuh dugaan hidup selepas kehilangan suami tercinta dan menolak segala tawaran daripada lelaki lain untuk mengahwininya. Daripada petikan tersebut juga, pengkaji dapat melihat Bibi Sabariah menolak secara baik permintaan seorang tua untuk meminta supaya beliau berkahwin lagi dan mengatakan bahawa saudagar yang bernama Khoja Berinda adalah sesuai untuknya.

Melalui peristiwa tersebut jelas bahawa adapun keutamaan sabar adalah membuka jalan untuk mencapai tujuan, memperkukuh keperibadian, menggertak musuh, menghilangkan keberanian musuh, mengalahkan sifat dengki orang-orang yang dengki dan berjaya pada akhir perkaranya. Ujian dan cubaan itu merupakan sesuatu yang wajar dalam hidup ini. Allah Maha Mengetahui terhadap kemampuan hamba-Nya dalam menanggung cubaan. Hal ini kerana beratnya disesuaikan dengan kadar keimanan kita. Jika iman kita kuat, maka ujian akan semakin ditambah. Jika iman kita lemah, ujian akan diringkankan.

Apabila dilihat dari sudut teori, nilai kemanusiaan ini sejajar dengan teori moral Islam yang dijelaskan oleh Jabir Qamihah iaitu akhlak tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan umat Islam. Pelaksanaan semua amalan dan perbuatan Islam hendaklah bergantung kepada nilai akhlak agar kehidupan lebih lengkap dan sempurna. Hal ini dapat dijelaskan oleh Allah S.W.T dalam kitab al-Quran surah al-Baqarah ayat 177 yang berfirman bermaksud:

...Dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur (dalam perjuangan perang sabil). (Orang yang sifatnya demikian), mereka itulah orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan) dan mereka itulah orang yang bertaqwa.

*(Muhammad Shohib, 2007:52)*

Melalui hadis di atas pengkaji dapat melihat bahawa Allah S.W.T telah mengutuskan Rasulullah S.A.W untuk menyempurnakan akhlak yang mulia agar dapat dicontohi oleh semua umat baginda dan salah satu akhlak mulia tersebut ialah sifat sabar. Di dalam menempuh kehidupan ini, pastilah pengkaji menemui berbagai ragam cubaan. Cubaan-cubaan itu berupa apa saja dan menimpa diri pengkaji, atau anggota keluarga. Ketika cubaan datang itulah sebenarnya keimanan pengkaji diuji oleh Allah. Sebab Allah S.W.T memberi cubaan kepada hambaNya bertujuan untuk menguji sejauh mana keimanannya.

Abdul Aziz Ismail (2011: 48) menjelaskan di antara keutamaan yang tidak dapat diragukan adalah bahawa Allah S.W.T menolong orang-orang yang bersabar dan membantu mereka dalam memikul beban dan tanggungjawabnya, serta keadaannya yang sulit. Kesenangan biasanya datang sesudah kesusahan, dan kemudahan datang setelah kesulitan. Keadaan bencana tidak berlangsung selamanya, melainkan akan hilang dan berakhir dengan pertolongan Allah S.W.T.

Raabayah Abdul Latif (2010: 107-109) menjelaskan meskipun nasihat Rasulullah S.A.W disampaikan kepada Ummu Alia’ namun sesungguhnya mengingatkan juga kepada pengkaji, bahawa ketika seorang mukmin ditimpa musibah, sebenarnya dengan musibah itu Allah bermaksud menghapus dosa dan kesalahan-kesalahannya. Jika pengkaji perhatikan, orang yang pandai mengambil hikmah dan pelajaran dari ayat-ayat dan nasihat-nasihat itu adalah kalangan orang-orang yang sabar.

### **Nilai Hormat-Menghormati**

Mustafa Haji Daud (1995: 41) menjelaskan bahawa menghormati raja merupakan salah satu nilai yang sememangnya diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak dahulu. Raja dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai payung negeri. Justeru itu mereka menghormati dan mematuhi titah perintah raja. Dalam sejarah masyarakat Melayu tradisional, rakyat sanggup mengorbankan jiwa dan raga kepada raja mereka demi

mendaulatkan sempadan negeri daripada pencerobohan. Sebab itulah mereka pantang menderhaka kepada seseorang raja terutamanya raja yang adil.

Lutfi Mustafa (2002: 66) pula menjelaskan bahawa setiap muslim yang berjuang di jalan Allah mestilah saling hormat-menghormati di antara satu sama lain. Mereka hendaklah bersifat tawaduk dan zuhud dalam kehidupan dan melahirkan sifat kemesraan apabila berjumpa sesama mereka. Jangan sekali-kali menunjukkan sifat takbur dan menyombong diri dan juga sifat-sifat yang dicegah dalam ajaran agama, kerana sifat-sifat tersebut akan merenggangkan jurang persaudaraan dalam kalangan mereka.

Firman Allah S.W.T dalam kitab al-Quran surah Luqman ayat 18 yang bermaksud:

“Janganlah kamu memalingkan muka dari manusia kerana sombong dan janganlah berjalan di bumi ini dalam keadaan sombong, sesungguhnya Allah s.w.t. tidak menyukai setiap manusia yang sombong dan bangga diri.”

(Muhammad Shohib, 2007:821)

Kelakuan hidup seseorang Muslim akan mewujudkan suatu bentuk adab terhadap dirinya untuk dinilai oleh masyarakat. Kelakuannya itu akan menimbulkan suatu reaksi dalam masyarakat mengikut pergerakan hariannya dan percakapannya atau melalui sistem muamalat dan jalinan hidup antara mereka. Masyarakat akan menilai hakikat itu untuk ditakrifkan sebagai manusia sombong atau sebaliknya. Tetapi, jika seseorang Muslim itu bercakap dan bertutur, bergaul dalam masyarakat, menonjolkan gaya hidup dan aksi hidup menurut apa yang ditentukan dalam syariat, masyarakat tidak lagi boleh menuduh orang seperti itu sebagai sombong.

Sebaliknya, dia adalah seorang yang dihormati dalam perjuangan hidupnya. Suasana keruh dalam masyarakat sebenarnya timbul apabila sifat-sifat bangga diri atau sifat-sifat sombong tidak dapat dikikis dan dikawal dalam kehidupan. Manusia yang muncul di tengah-tengah gelanggang masyarakat merasa sombong dan bangga terhadap dirinya sendiri disebabkan dua faktor. Pertama kerana faktor kekayaan yang diperoleh dan kedua faktor keturunan. Dua faktor ini merupakan penyebab utama mewujudkan manusia bersifat sombong dan bangga diri. Ditambah pula wujudnya sifat kejahilan terhadap hakikat ajaran agama.

Begitu juga di dalam *Hikayat Khoja Maimun* yang telah memperlihatkan nilai menghormati raja. Ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat pada zaman dahulu sangat menitikberatkan soal menghormati raja baik golongan lelaki mahupun wanita. Melalui hikayat tersebut, pengkaji mendapati golongan wanitanya sangat menghormati raja mereka walaupun ada golongan pemerintah yang ingin mengambil kesempatan terhadap mereka. Dapat dilihat melalui watak isteri saudagar yang tetap menghormati raja walaupun telah mengetahui tentang niat raja tersebut yang ingin mengambil kesempatan terhadapnya.

Contoh petikan yang menonjolkan watak isteri saudagar sebagai seorang yang menghormati raja adalah seperti di bawah:

“Maka raja pun datanglah ke rumah isteri saudagar itu. Maka dihamparkan tikar yang halus lagi indah-indah perbuatannya.”

(*Hikayat Khoja Maimun*: 22)

Daripada petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa isteri saudagar merupakan seorang yang menghormati raja apabila beliau menyambut kedatangan raja dengan penuh hormat dengan hamparan tikar yang cantik setanding status yang ada pada raja tersebut. Isteri saudagar tetap menghormati raja walaupun dia mengetahui bahawa raja berkehendakkan akan dirinya sedangkan dia sudah pun bersuami.

Mustafa Haji Daud (1995: 41) menjelaskan bahawa penghormatan dan kepatuhan mereka kepada raja tidak dilakukan secara membuta tuli. Raja yang dihormati dan dipatuhi ialah raja yang adil dan mereka menolak raja yang zalim. Ini bersesuaian dengan tindakan yang dilakukan oleh isteri raja iaitu beliau menghormati raja tersebut, namun memberikan kesedaran dengan cara yang berdedikasi. Pengkaji mendapati golongan wanita juga berjaya memainkan peranan mereka sebagai golongan yang menghormati raja.

Nilai ini juga menurut Dr. Muqdad Yaljan (1986: 2) merupakan *Moral Behavior* adalah suatu tingkah laku yang baik, dilakukan oleh manusia dengan niat baik dan untuk tujuan yang baik.

Menurut al-Quran, surah al-A'raaf ayat 33 yang bermaksud:

Sesungguhnya Tuhan mengharamkan perbuatan keji, sama ada yang zahir atau yang tersembunyi dan perbuatan dosa melanggar hak manusia tanpa alasan yang benar.

(Muhammad Shohib, 2007:305)

Melalui petikan al-Quran tersebut, jelas bahawa apabila individu Islam beriman dan percaya dengan kewujudan dan kebesaran Allah S.W.T, dia akan melakukan ibadah yang dituntut dan menjauhi larangan-Nya.

Nilai hormat-menghormati bukan sahaja satu nilai yang diterapkan untuk raja atau golongan pemerintah. Sebaliknya, nilai ini boleh diaplikasikan dalam kehidupan berkeluarga dan kehidupan seharian. Sebagai contoh menghormati tetamu. Lutfi Mustafa (2002: 80) menjelaskan bahawa setiap Muslim yang beriman kepada Allah S.W.T dan Rasul-Nya hendaklah memberi penghormatan kepada tetamu yang datang berkunjung ke rumahnya. Tetamu yang datang berkunjung itu mungkin ingin menunaikan sesuatu hajat atau menyampaikan sesuatu pesanan atau berita ataupun kerana ingin menziarahi saudara mereka kerana sudah lama tidak berjumpa.

Maka menjadi suatu tanggungjawab kepada tuan rumah memberi penghormatan kepada para tetamunya, melayani mereka dengan baik, menjamu mereka dengan hidangan dan minuman atau lain-lain cara yang boleh menggembirakan para tetamunya itu.

Sikap menghormati tetamu ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan umat Islam. Dapat membina konsep persaudaraan dan ukhuwah Islamiyah yang kukuh ke arah mewujudkan masyarakat yang harmoni serta mengekalkan kestabilan hidup yang berterusan dalam masyarakat. Kemudian mereka dapat saling kenal-mengenal di antara satu sama lain dan faham-memahami permasalahan hidup di antara mereka. Sikap seperti ini juga dapat menambahkan lagi nilai kemesraan yang telah lama wujud dalam kalangan masyarakat dan sekali gus dapat membentuk kembali persefahaman hidup dan mengurangkan bebanan hidup jika berlaku di antara mereka sesuatu yang tidak diingini.

Tetamu yang datang berkunjung itu hendaklah diberi layanan sebaik mungkin mengikut kemampuan masing-masing. Nilai hormat-menghormati ini bersesuaian dengan Teori Moral Islam oleh Jabir Qamihah yang mengatakan bahawa apabila individu Islam beriman dan percaya dengan kewujudan dan kebesaran Allah S.W.T, dia akan melakukan ibadah yang dituntut dan menjauhi larangan-Nya. Di samping itu, ibadah yang dilakukan perlu disertai akhlak yang mulia agar lebih cantik dan indah.

Melalui *Hikayat Khoja Maimun*, pengkaji mendapati terdapat satu watak wanita yang menerapkan nilai menghormati tetamu ini. Hal ini dapat dilihat melalui watak Bibi Sabariah yang menghormati tetamu yang datang ke tempatnya. Peristiwa berlaku apabila Tuan Puteri datang ke tempat Bibi Sabariah dengan tujuan untuk mendapatkannya untuk dijadikan isteri kedua raja. Walaupun Bibi Sabariah tahu tujuan sebenar Tuan Puteri datang tetapi dia masih menghormati dan melayan tetamunya dengan baik dan penuh hormat. Contoh peristiwa adalah seperti berikut:

“Maka Bibi Sabariah pun turun dari tempatnya duduk itu seraya memberi hormat akan Tuan Puteri. Katanya, “Silakanlah Tuan Puteri duduk, apakah pekerjaan tuanku ini kepada tempat patik ini orang yang hina, syahadan lagi tiada dengan sepertinya?” Setelah dilihat oleh Tuan Puteri rupanya Bibi Sabariah itu terlalu elok parasnya, maka Tuan Puteri pun hampir dan memegang tangan Bibi Sabariah itu lalu duduklah Tuan Puteri di atas hampan...”

(*Hikayat Khoja Maimun*: 95)

Melalui petikan peristiwa di atas, pengkaji melihat betapa pengarang menitikberatkan nilai-nilai menghormati tetamu. Bibi Sabariah dijadikan sebuah watak wanita yang memainkan peranannya untuk menggerakkan jalan cerita dan menerapkan nilai kemanusiaan melalui hikayat tersebut. Sesungguhnya nilai ini perlu diamalkan oleh golongan masyarakat terutamanya yang hidup berjiran dan mempunyai saudara mara.

### **Nilai Bijaksana**

Bijaksana adalah merupakan salah satu nilai yang sangat penting. Kebijaksanaan seseorang bukan sahaja diukur dari segi pendidikannya malah dari segi pemikiran dan juga tingkah lakunya. Seseorang individu

akan dinilai tahap kebijaksanaannya melalui cara bercakap, berjalan dan perbuatan yang dilakukan dan sudah pasti semua orang ingin menjadi bijak.

D. Rohanady (2000: 48) menjelaskan bahawa kata “bijaksana” berasal dari terjemahan bahasa Arab, *hakim*. Dalam bahasa Indonesia, kata tersebut didahului kata *arif*, juga berasal dari bahasa Arab, yang ertinya mengetahui. Ia adalah salah satu dari *al-asmaul-husna*, *Al-hakim*, yang ertinya Maha Bijaksana. Dalam kehidupan sehari-hari, kata ini mudah diucapkan tetapi sukar untuk diimplementasikan sehingga kini masih menjadi harapan semua pihak, terutama kepada para pemimpin dalam menyingkap pelbagai permasalahan yang ada. Untuk itu, pengkaji perlu melihat contoh dari Rasulullah S.A.W dan para sahabatnya.

Kisah Muhammad S.A.W menyelesaikan persoalan batu Hajar Aswad setelah Mekah dilanda banjir boleh menjadi contoh terbaik. Ketika semua penduduk Quraisy berbeza pendapat untuk meletakkan kembali batu hitam tersebut ke Kaabah, pemuda Muhammad yang akhirnya secara bijaksana menyelesaikan persoalan sukar tersebut. Daripada sikap tersebut, maka lahirlah jolokan Al-Amin, yang bermaksud boleh dipercayai dari para pemimpin dan masyarakat Quraisy kepada Rasulullah s.a.w.

Betapa indahnya jika kita dipimpin oleh orang-orang yang diberi *al-hikmah* (kebijaksanaan) ini, seperti difirmankan Allah S.W.T dalam kitab al-Quran surah al-Baqarah yang 269 yang bermaksud:

“Allah menganugerahkan al-hikmah (kefahaman yang dalam tentang Al-Quran dan As-Sunnah) kepada sesiapa sahaja yang Dia kehendaki. Dan barang siapa yang dianugerahi al-hikmah itu, ia benar-benar telah dianugerahi kurnia yang banyak. Dan hanya orang-orang yang berakallah yang dapat mengambil pelajaran (dari firman Allah)”

(Muhammad Shohib, 2007: 88)

Di dalam *Hikayat Khoja Maimun*, pengkaji menemui nilai kebijaksanaan yang telah ditonjolkan oleh watak wanita. Kebijaksanaan ini bukan sahaja dilihat dalam menyelesaikan sesuatu perkara bahkan semasa memimpin sesebuah kerajaan. Seorang pemerintah akan disanjung dan dihormati oleh rakyat sekiranya mempunyai kebijaksanaan dalam memimpin. Nilai ini bertepatan dengan Teori Moral Islam yang menjelaskan bahawa nilai positif ialah suatu nilai yang wajib ada pada setiap orang Islam seperti benar, amanah, kasih sayang, menghubungkan silaturahim, mulia dan berbaik-baik dengan jiran tetangga.

Nilai ini berjaya ditonjolkan oleh watak wanita dalam hikayat tersebut iaitu Husna yang merupakan seorang pemerintah atau raja yang bijak. Contoh peristiwa yang menunjukkan Siti Husna merupakan seorang pemerintah yang bijaksana ialah seperti berikut:

“Hai saudagar, hendaklah tuan hamba suruhkan segala mereka itu berkata benar, jangan ia berdusta kepada hamba dan apa mulanya maka sekalian itu kena penyakit yang demikian ini dan hendaklah tuan hamba tanyakan kepada mereka supaya hamba mahu mengubatnya dan jikalau mereka tiada mahu berkata benar tiadalah hamba mengubatnya.”

(*Hikayat Khoja Maimun*: 155)

Berdasarkan petikan di atas pengkaji dapat melihat kebijaksanaan yang ditunjukkan oleh watak wanita iaitu Siti Husna. Setelah beliau menjadi pemerintah dan diberi kelebihan oleh Allah S.W.T, iaitu dapat mengubati penyakit, beliau telah membuatkan kesemua yang pernah memfitnah dan menganiaya sebelum ini berkata benar. Hal ini demikian kerana Husna mahu membersihkan dirinya daripada fitnah dan supaya suaminya, iaitu saudagar dapat mendengar pengakuan yang sebenar daripada mulut mereka yang tidak bertanggungjawab.

Firman Allah S.W.T dalam kitab al-Quran surah al-Zalzalah ayat 7 hingga 8 yang bermaksud:

Maka sesiapa berbuat kebaikan sebesar zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam suratan amalan). Dan sesiapa berbuat kejahatan sebesar zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam suratan amalan).

(Muhammad Shohib, 2007: 1195)

Petikan surah di atas telah jelas menerangkan bahawa seseorang yang sentiasa jujur dan benar dalam perbuatannya akan ditunjukkan dan begitulah sebaliknya. Pengkaji mendapati petikan surah ini bersesuaian



dengan peristiwa yang dialami oleh watak wanita iaitu Siti Husna yang akhirnya mendapat kemenangan kerana kebenaran akhirnya terjawab dan mereka yang pernah berbuat dosa terhadap beliau sebelum ini telah menerima balasan yang nyata oleh Allah S.W.T iaitu bala.

Sesungguhnya nilai kebijaksanaan harus ada dalam diri seseorang individu itu. Hal ini penting dalam memastikan mereka tidak mudah ditipu dan diambil kesempatan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Seseorang yang bijak juga akan mendapat kelebihan kerana mudah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dan dapat berfikir secara rasional mengenai sesuatu tindakan yang ingin dilakukan.

### Nilai Kasih Sayang

Hidup saling mengasihi dan menyayangi merupakan perintah paling asas dalam agama. K.H. Didin Hafidhuddin (2000: 24) menjelaskan bahawa secara naluri, setiap manusia menginginkan terciptanya kebaikan, kesejahteraan, dan ketenteraman. Tidak ada yang lebih mereka benci kecuali permusuhan, kejahatan, dan kesengsaraan. Hal ini demikian kerana, seorang mukmin diminta oleh agama untuk memiliki sikap saling kasih sayang terhadap mukmin lainnya. Ini bererti, seorang mukmin akan turut berbahagia apabila saudaranya berbahagia. Sebaliknya, merasa berduka atas kemalangan yang menimpa saudaranya. Oleh sebab itu, kita diminta oleh agama supaya perilaku sedemikian diwujudkan dalam hidup kita sehari-hari.

Bahkan, perilaku demikian dapat menjadi ukuran beriman atau tidak seseorang itu. Rasulullah S.A.W menjelaskan, "Belum beriman seseorang di antara kamu sebelum ia mencintai saudaranya seperti ia mencintai dirinya sendiri. Tidak dapat dinafikan bahawa apabila seseorang individu dalam masyarakat menerapkan ajaran-ajaran suci agama itu, akan tercipta suatu masyarakat yang adil, tolong-menolong, dan kasih-mengasihi. Sekali gus, dapat menghindarkan pengkaji dari perilaku saling menyakiti, saling membenci, dan saling memfitnah, apalagi sehingga sanggup bermusuhan.

Lutfi Mustafa (2002: 61) menerangkan bahawa setiap muslim yang hidup dalam masyarakat mestilah menanam sifat kasih sayang dan kasih mesra di antara saudara seperjuangan sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri. Perkara ini merupakan adab yang baik ke arah membina sebuah masyarakat yang faham dan mengerti tentang betapa pentingnya hubungan persefahaman di antara mereka. Allah telah menggambarkan betapa indahnya hubungan kasih sayang dan cinta-mencintai di antara golongan Muhajirin dan Ansar dalam peristiwa hijrah di Madinah. Hubungan mereka begitu erat dijalin tanpa mengenal susah payah dan perit penderitaan iman dan ukhawah Islamiah, mereka sanggup menghadapi penderitaan dan mengikis sifat-sifat kebakhilan diri.

Maha Pengasih dan Maha Penyayang merupakan antara sifat kesempurnaan Allah S.W.T. Demikian juga halnya dengan makhluk ciptaan-Nya, ia diwajibkan memiliki kedua-dua sifat tersebut tetapi sekadar pengasih dan penyayang sahaja sesuai dengan tarafnya sebagai makhluk. Berbudi, berbakti dan berjaya mencapai tahap yang maksimum jika seseorang itu memiliki sifat ini. Sifat pengasih dan penyayang juga menggerakkan diri seseorang itu menjadi baik dalam tutur katanya, halus, bersopan santun dan beradab. Pengkaji mendapati *Hikayat Khoja Maimun* turut memaparkan nilai kasih sayang yang ditunjukkan oleh isteri Raja Hindustan yang sanggup mati daripada menduakan suaminya.

Nilai ini bertepatan dengan teori Moral Islam yang menyatakan nilai positif ialah suatu nilai yang wajib ada pada setiap orang Islam seperti benar, amanah, kasih sayang, menghubungkan silaturahim, mulia dan berbaik-baik dengan jiran tetangga. Sehubungan dengan ini Allah S.W.T berfirman dalam kitab al-Quran surah al-Isra ayat 24 yang bermaksud:

Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada kedua-duanya kerana belas dan kasih sayang, dan doakanlah untuk mereka, dengan berkata: Wahai Tuhanku, cucurkanlah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayang memelihara dan mendidikku semasa kecil.

(Muhammad Shohib, 2007: 595)

Nilai kasih sayang ini dengan jelas ditunjukkan oleh watak isteri Raja Hindustan yang menyayangi suaminya sehingga tidak sanggup menduakan suaminya. Isteri Raja Hindustan menerangkan kepadanya bahawa manusia tidak lari dari melakukan kejahatan dan masing-masing mempunyai perangai. Isterinya

mengatakan bahawa seandainya dia mempunyai niat untuk menduakan suaminya, maka disuruh bunuh sahaja kerana dia tidak mahu perbuatannya itu akan menjadi buah mulut masyarakat sekitar. Contoh petikan yang menunjukkan bahawa isteri saudagar seorang yang menyayangi suaminya ialah seperti berikut:

“...jika ular pun ada yang baik, ada yang jahat. Sebermula akan manusia pun demikian juga ada yang baik ada yang jahat, masing-masing atas pendapatannya yang berbagai, ada yang celaka menduakan suaminya. Berbagai sahaja perangai segala hamba Allah ini. Akan hamba jikalau ada niat hendak menduakan tuan hamba dengan laki yang lain melainkan tuan hamba bunuhlah hamba sekali daripada hidup menjadi perkataan orang, biarlah hamba mati sekali.”

(*Hikayat Khoja Maimun*: 42)

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa isteri Raja Hindustan merupakan seorang isteri yang sangat menyayangi suaminya, Raja Hindustan dan nilai inilah yang seharusnya menjadi contoh kepada masyarakat terutamanya bagi golongan isteri agar menyayangi suami mereka. Hal ini demikian kerana nilai kasih sayang sememangnya dituntut dalam Islam dan kita digalakkan supaya sayang menyayangi di antara satu sama lain. Hal ini penting dalam melahirkan sebuah keluarga yang aman dan harmoni.

### **Nilai Keadilan**

Adil dalam erti kata yang paling mudah ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya. Akan tetapi apakah timbangan atau kayu ukur yang dapat menentukan keadilan? Tidak lain dan tidak bukan ialah wahyu daripada Allah S.W.T. terutamanya al-Quran. Budi bahasa Islam juga meletakkan sifat adil sebagai salah satu daripada nilai utamanya. Hal ini dijelaskan oleh Allah S.W.T. dalam kitab al-Quran surah al-Maidah ayat 8 yang bermaksud:

Wahai orang beriman: Hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

(Muhammad Shohib, 2007 :213)

Pengkaji menjumpai di dalam *Hikayat Khoja Maimun* nilai keadilan yang dapat dilihat melalui watak Husna yang sangat adil memimpin sebuah negeri. Pada setiap hari Jumaat, Husna akan membaca khutbah dan sembahyang Jumaat. Selesai sembahyang beliau akan memberikan sedekah kepada semua fakir miskin dan menyuruh rakyat membaiki masjid. Keadilan jelas terpancar dalam diri Husna apabila dia berjaya menjadi pemimpin yang adil dan mengambil berat mengenai keperluan rakyat dalam negeri pimpinan beliau.

Nilai ini bertepatan dengan Teori Moral Islam oleh Jabir Qamihah yang menyatakan nilai-nilai moral khususnya moral Islam merupakan himpunan akhlak yang membentuk keperibadian Muslim yang unggul, seterusnya berupaya memberikan sumbangan kepada masyarakat, bekerjasama dan berusaha ke arah pembentukan diri, keluarga dan akidah.

Contoh petikan yang menunjukkan bahawa Husna merupakan seorang yang adil ialah seperti berikut:

“Syahadan adapun adatnya, apabila hari Jumaat maka raja sendiri membaca khutbah. Setelah datang kepadakan Jumaat maka Raja Husna pun naiklah khutbah serta dengan nyaring suaranya. Maka segala sidang Jumaat itu pun hairanlah mendengar dia. Setelah sudah sembahyang maka raja pun duduklah seketika di luar masjid itu serta ia memberi sedekah akan segala fakir miskin seraya menyuruh orang membaiki masjid itu mana yang tiada baik.”

(*Hikayat Khoja Maimun*: 153)

Selain itu, di dalam hikayat ini juga turut dipaparkan watak wanita lain yang berperanan dalam menunjukkan nilai keadilan. Pengkaji mendapati dalam bab yang ke-22 Cetera Kedua Puluh satu, Tuan Puteri Ratna Gemala telah memperlihatkan kepada pembaca tentang nilai keadilan yang ada dalam dirinya. Hal ini jelas dapat dilihat melalui peristiwa Tuan Puteri yang terlalu menyayangi suaminya, Raja Mansur Syah sehingga sanggup membahagikan kasih sayang dan melayan gundik raja yang bernama Tun Nilawati dengan seadil-adilnya. Tuan Puteri akan sama-sama hadir ke balairung bersama Tun Nilawati yang sangat dikasihi baginda. Di samping itu, nilai keadilan jelas terpancar dalam diri Tuan Puteri apabila beliau sanggup makan dan tidur dengan Tun Nilawati.

Jika dilihat masyarakat hari ini, sudah pasti tidak ada yang mampu berlaku adil seperti watak Tuan Puteri Ratna Gemala yang sanggup membahagikan kasih sayang suaminya dan kehidupan sehariannya bersama dengan gundik raja walaupun tahu bahawa raja sangat sayangkan gundiknya itu. Contoh petikan yang menunjukkan nilai keadilan yang ada dalam diri Tuan Puteri Ratna Gemala adalah seperti berikut:

“Demikian Tuan Puteri memelihara dirinya sangat memelihara hati suaminya itu dan jika Raja Mansur Syah itu pergi bermain-main atau berangkat ke balairung dihadap orang sekalipun adalah dihadirkan oleh Tuan Puteri barang digemari oleh suaminya itu. Adapun akan Tun Nilawati itu pun sentiasa hadir di sisi Tuan Puteri, tiada diberinya jauh. Jikalau makan dan tidur bersama-sama, juga serta dengan senda guraunya dengan segala dayang-dayang biti perwara dan anak-anak.”

*(Hikayat Khoja Maimun: 137)*

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya, pengkaji mendapati banyak diterapkan nilai kemanusiaan di dalam Hikayat Khoja Maimun. Hal ini menjadikan hikayat tersebut bukan sahaja sebagai bahan bacaan yang bersifat ilmiah tetapi juga mendidik pembaca agar dapat mengambil sesuatu mesej berguna daripada setiap peristiwa yang berlaku. Pengarang telah berjaya memberikan perwatakan yang sempurna kepada setiap watak di dalam Hikayat Khoja Maimun terutamanya watak wanita. Hal ini dapat dilihat melalui watak Bibi Sabariah, Bibi Zainab, isteri saudagar, Siti Husna, isteri raja, Tuan Puteri Ratna Gemala dan beberapa watak lain yang mencorakkan cerita menjadi lebih menarik dengan sifat dan kesempurnaan yang dimiliki mereka yang boleh dijadikan contoh terbaik kepada golongan wanita di luar sana.

Watak wanita yang digarap oleh pengarang mempunyai kesempurnaan bukan sahaja dari segi rupa paras malah keperibadian iaitu menghormati suami dan taat kepada perintah Allah s.w.t. Nilai kemanusiaan yang ditunjukkan oleh watak wanita dalam setiap peristiwa dalam Hikayat Khoja Maimun menjadikan hikayat tersebut menarik dan penuh dengan mesej serta pengajaran yang boleh diambil oleh pembaca. Nilai seperti hormat-menghormati, nilai ketaatan, nilai kasih sayang, nilai keadilan, nilai kesabaran, nilai kebijaksanaan, nilai amanah, nilai muhasabah diri, bertanggungjawab, keikhlasan dan kesyukuran sememangnya masih relevan dengan kehidupan masyarakat pembaca pada hari ini.

Pengarang juga berjaya membawa satu kelebihan dalam penyampaian cerita melalui Hikayat Khoja Maimun. Hal ini demikian kerana, hikayat yang dahulunya dikenali sebagai satu genre yang berat, penuh dengan ayat klasik, ayat yang panjang dan berbelit-belit dan membosankan telah menjadi sebuah hikayat yang menarik dan penuh dengan nilai kemanusiaan. Hikayat Khoja Maimun telah mengubah persepsi pembaca bahawa tidak semua hikayat adalah membosankan dan pembaca boleh mengambil mesej dan pengajaran yang berguna melalui hikayat tersebut.

## **RUJUKAN**

- Abdul Aziz Ismail. (2011). *Indahnya akhlakmu kepada Allah*. Selangor: Pustaka Ilmuwan.
- D. Rohanady. (2000). *Akhlak sosial Muslim: Satu hati dan perbuatan*. Jakarta: Pustaka Zaman.
- Jabir Qamihah. (1996). *Nilai-nilai Islam satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Jabir Qamihah. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lutfi Mustafa El-Batnani. (2002). *Membina keperibadian mulia generasi akan datang*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Muhammad Shohib. (2007). *Terjemahan al-Quranulkarim*. Kuala Lumpur: Sygma Publishing.

- Muhd. Mansur Abdullah. (1988). *Pengantar kesusasteraan Melayu lama*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mustafa Haji Daud. (1995). *Budi bahasa dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muqdad Yaljan. (1986). *Peranan penyelidikan akhlak Islam dalam membangun peribadi masyarakat dan budaya manusia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Raabeyah Abdul Latif. (2010). *Wanita solehah: Mencipta kehidupan paling bahagia & romantis di abad ini*. Selangor: Pustaka Al-Ehsan.